

UNGKAPAN MENARIK BAHASA MELAYU

Bahasa Melayu kaya dengan ungkapan-ungkapan yang menarik. Setiap ungkapan yang menarik ini sesuai untuk kita guna dalam situasi formal dan tidak formal.

Simpulan Bahasa

A	
Ada angin	berperangai tidak seperti biasa pada sesuatu ketika
Ada hati	ada kemahuan untuk membuat sesuatu
Air muka	rupa; wajah
Ambil angin	keluar bersiar-siar untuk menghilangkan penat
Ambil hati	<ul style="list-style-type: none"> • menyenangkan hati seseorang • berasa tersinggung
Anak angkat	anak orang lain yang dipelihara sebagai anak sendiri
Anak buah	orang yang di bawah jagaan seorang ketua
Angkat kaki	lari meninggalkan sesuatu tempat
Atas angin	negara-negara di sebelah barat seperti Eropah dan Amerika Syarikat
Atas pagar	tidak menyebelahi mana-mana pihak
B	
Banyak lemak	terlalu dimanjakan
Banyak mulut	orang yang suka bercakap banyak
Batu api	orang yang menghasut; penghasut
Batu loncatan	sesuatu yang dijadikan asas atau alat untuk mencapai sesuatu tujuan
Bau-bau bacang	hubungan persaudaraan yang jauh
Bawah angin	negara-negara di sebelah timur seperti di Asia
Bekas tangan	hasil kerja tangan seseorang
Berat mulut	pendiam, tidak suka bercakap

Berat tangan	malas bekerja
Beri muka	membiarkan seseorang bebas membuat sesuatu sesuka hatinya
Besar kepala	sombong; degil
Bintang terang	bernasib baik
Buah hati	orang yang dikasihi; kekasih
Buah mulut	perkara yang menjadi perbualan orang ramai
Buah tangan	hadiah yang dibawa ketika melawat
Bulat hati	dengan sungguh-sungguh, nekad
Bunga dedap	perempuan yang wajahnya cantik tetapi tidak berbudi
Buruk siku	mengambil balik apa-apa yang telah diberikan kepada orang lain
C	
Cahaya mata	anak
Cakap angin	percakapan yang tidak berfaedah; omong kosong
Cakar ayam	tulisan yang buruk
Cangkul angin	membuat kerja yang tidak berfaedah
Cari jalan	berkhitiar atau berusaha untuk melakukan sesuatu
Cepat tangan	suka mencuri
D	
Dalam tangan	sudah pasti dapat
Darah daging	kaum kerabat; sudah sebati
Durian runtuh	keuntungan yang tidak disangka-sangka
G	
Gaji buta	mendapat gaji tanpa bekerja
Gelap mata	lupa diri kerana terpengaruh dengan wang

Gila bahasa	kurang waras fikirannya
Golok kayu	orang yang bodoh tetapi berlagak seperti orang yang pandai
H	
Harga mati	harga tetap; harga yang tidak dapat ditawar-tawar lagi
Hati batu	degil, tidak mempunyai belas kasihan
Hidung belang	lelaki yang suka mengganggu atau menggoda perempuan
Hidung tinggi	sombong
I	
Ikat perut	menahan lapar kerana berjimat
Isi hati	perasaan dalam hati
J	
Jauh hati	merajuk kerana tersinggung dengan percakapan orang
Jinak-jinak merpati	perempuan yang peramah tetapi sukar dipikat
K	
Kacang hantu	orang yang jahat dan suka mengganggu orang lain
Kaki ayam	kaki yang tidak berkasut
Kaki botol	orang yang suka meminum minuman keras
Kecil hati	merajuk; tersinggung
Kepala angin	tidak tetap perangainya
Kepala batu	degil, tidak mahu mengikut nasihat
Kera sumbang	orang yang tidak suka bercampur gaul dengan orang lain
Khabar angin	berita yang belum tentu benarnya
Kucing bertanduk	perkara yang mustahil berlaku
Kucing kurap	orang yang dipandang hina

Kutu embun	orang yang suka merayau-rayau sehingga larut malam
L	
Langkah kanan	bernasib baik, mujur
Langkah kiri	tidak bernasib baik
Langkah seribu	lari dengan cepat kerana ketakutan
Lidah biawak	percakapan yang berubah-ubah
Lipas kudung	cepat menyiapkan atau membuat kerja
M	
Makan angin	pergi bersiar-siar untuk berehat
Makan angkat	suka dipuji
Makan diri	perbuatan yang merosakkan atau menyusahkan diri sendiri
Makan hati	terlalu sangat berdukacita atau menderita
Makan suap	menerima rasuah
Malu-malu kucing	berpura-pura malu di hadapan orang
Mandi kerbau	mandi dengan tidak bergosok (tidak bersih)
Mandi peluh	bekerja kuat
Mata keranjang	lelaki yang sangat suka melihat perempuan
Mata celik	mati sebelum hajat tercapai
Mati katak	mati dengan sia-sia sahaja
Muka dua	berbaik-baik dengan kedua-dua pihak yang bermusuhan
Muka tembok	tidak tahu malu
Mulut mural	orang yang sangat suka bercakap atau berbuat bising
Mulut tempayan	orang yang tidak menyimpan rahsia

N	
Naik angin	tidak dapat mengawal diri kerana terlalu marah
Naik darah	menjadi marah
Nyawa-nyawa ikan	hampir-hampir mati
O	
Orang rumah	isteri
Otak cair	pandai; cerdik
Otak kering	lambat atau susah menerima pelajaran yang diajarkan
Otak udang	bodoh
P	
Paku belanda	harga tetap; harga yang tidak dapat ditawar-tawar
Panjang tangan	suka mencuri
Pasang telinga	mendengar dengan teliti atau bersungguh-sungguh
Patah hati	kecewa; tidak mahu berusaha lagi
Pejam mata	tidak mengambil tahu tentang sesuatu perkara
Pembasuh mulut	minuman atau kuih yang dihidangkan selepas makan nasi
Penyapu baru	rajin bekerja kerana baru menyandang jawatan itu
Perang mulut	bertengkar dengan menggunakan kata-kata yang kasar
Pilih kasih	memberi layanan yang lebih kepada pihak yang disayangi; berat sebelah
Pisau cukur	perempuan yang suka menghabiskan harta benda lelaki
Puteri lilin	perempuan yang tidak tahan kena panas
Putih hati	jujur; baik hati
Putih mata	mendapat malu

S	
Serkap jarang	menuduh secara agak-agak sahaja atau tanpa usul periksa
T	
Tahi arak	orang yang suka dan kuat minum arak
Tahi judi	orang yang suka bermain judi
Tangan terbuka	menerima atau menyambut sesuatu dengan sukacita; suka menolong orang yang mendapat kesusahan
Tangkai jering	orang yang kedekut
Telinga kualii	orang yang tahan hati walaupun dimarahi oleh orang lain
Telinga lintah	orang yang tajam pendengarannya
Telinga nipis	orang yang cepat marah
Telinga tempayan	orang yang tidak mahu mendengar nasihat
Terang hati	mudah memahami sesuatu yang diajarkan
Tidur-tidur ayam	tidur yang tidak lena
Tin kosong	orang yang bercakap besar tetapi sebenarnya tidak berilmu pengetahuan
Tua keladi	orang tua yang berperangai seperti orang muda